

## MOHE Funding Guidance for Malaysian Universities

### Eligible Costs

*Kod Perbelanjaan yang Dibenarkan*

#### **Vote 11000 Allowance & Stipend for Graduate Research Assistant (GRA)**

*Vot 11000 Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)*

Allowance and stipend shall not exceed MYR2,800 for PhD student or MYR2,300 for MSc student.

*Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,800 untuk pelajar Ijazah Kedoktoran atau RM2,300 untuk Ijazah Sarjana*

#### **Vote 21000 Travelling and Transportation**

*Vot 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)*

This includes all domestic travelling and transportation relevant to the project. Travelling abroad is only permitted for site work and attending conference/seminar/workshop /attachment relevant to the project. Travelling abroad is subject to grant sufficiency. Only Principal Investigator (PI) and members are allowed to travel abroad. GRA may be allowed for an attachment relevant to their research in Japan for six months.

The destination chosen for overseas travel should be the most appropriate and economical in terms of facility availability, relevance of expertise and technology transfer. Travelling abroad shall comply with relevant institutions regulations. The total expenditure for Travelling and Transportation shall not exceed 40% of the total project allocation. However, travelling for the purpose of attending conference/seminar/workshop/attachment must not exceed 20% of the total project allocation.

*Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek. Perjalanan ke luar negara hanya dibenarkan untuk kerja-kerja lapangan dan menghadiri persidangan/seminar/bengkel/program sangkutan yang berkaitan dengan projek. Perjalanan ke luar negara adalah tertakluk kepada kecukupan geran. Hanya Ketua Projek dan ahli dibenarkan untuk melakukan perjalanan ke luar negara. GRA dibenarkan untuk sangkutan untuk tujuan yang berkaitan langsung dengan penyelidikan di Jepun selama 6 bulan.*

*Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing. Jumlah perbelanjaan untuk Perjalanan dan Pengangkutan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran. Manakala perbelanjaan bagi menghadiri persidangan/seminar/bengkel/program sangkutan tidak boleh melebihi 20% daripada keseluruhan peruntukan.*

**Vote 24000 Rental**

Vot 24000 Sewaan

Rental is only allowed for premises, equipment, transport, and others relevant to the development of the project. Each proposed rental must be accompanied by a justification and relevant quotation.

*Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan pembangunan projek sahaja. Setiap cadangan sewaan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.*

**Vote 27000 Research Supplies & Materials**

Vot 27000 Bekalan dan Bahan Penyelidikan

The expenditure may include supplies and materials relevant to the project. Each proposed purchase of research supplies/materials must be accompanied by a justification and relevant quotation. Quotations obtained from online sellers such as Shopee, Lazada and others are not allowed.

*Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan pembangunan projek sahaja dibenarkan. Setiap cadangan pembelian bekalan/bahan penyelidikan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan. Sebut harga yang diperoleh daripada penjual dalam talian (online) seperti Shopee, Lazada dan lain-lain adalah tidak dibenarkan.*

**Vote 28000 Minor Repairs and Renovation**

Vot 28000 Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai

The expenditure may include minor repair and renovation on premises, laboratory, equipment or others relevant to the project. Maintenance cost for existing equipment is allowed during the project implementation period. Upon project completion, such maintenance cost shall not be borne under the grant.

*Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Geran ini.*

**Vote 29000 Consultancies and Other Services**

*Vot 29000 Perkhidmatan Ikhtisas*

The expenditure may include services relevant to the project including printing, hospitality, honorarium, professional services, consultancies, computer usage, data processing and others. Each proposed consultancies/services must be accompanied by a justification and relevant quotation.

*Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan pembangunan projek. Setiap cadangan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.*

**Vote 35000 Accessories & Equipment**

*Vot 35000 Aksesori dan Peralatan*

The expenditure may include purchase of equipment and accessories relevant to the project. Purchasing of equipment must adhere to Financial Regulations of the Federal Treasury. The need for purchase must be strongly justified. **Quotation must be attached as proof of market study of the equipment.** The total application under this Vote shall not exceed 40% of overall project budget. **Purchasing of IT and communication equipment (laptop, desktop, phone etc. are not allowed)**

*Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan pembangunan projek berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut Pekeliling Perbendaharaan. Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada jumlah geran. Pembelian peralatan IT dan komunikasi (komputer riba, komputer meja, telefon dll.) tidak dibenarkan.*